

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**HGG 351 – Perancangan Pembangunan Wilayah**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan. **DUA [2]** soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

**BAHAGIAN A**

1. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan kerelevanan teori berasaskan teknologi dalam menjelaskan ketidaksamaan dalam pertumbuhan wilayah.  
[25 markah]
2. Merujuk kepada fenomena migrasi buruh dalam kalangan negara ASEAN, bincangkan sejauhmana mobiliti buruh dan modal antarabangsa menyumbang kepada fenomena ini.  
[25 markah]
3. Jelaskan maksud pengganda wilayah, dan huraikan peranan konsep ini dalam model ekonomi wilayah.  
[25 markah]
4. Merujuk kepada penjelasan teori-teori relevan yang dipelajari, bincangkan fenomena yang berlaku dalam kegawatan ekonomi 1997 dan nyatakan implikasinya terhadap pembangunan wilayah.  
[25 markah]

**BAHAGIAN B**

5. Merujuk kepada pengalaman di negara maju dan negara membangun, bincangkan peranan dan keterkaitan institusi pengajian tinggi dalam pembangunan wilayah di Malaysia.  
[25 markah]
6. Merujuk kepada mana-mana negara yang sesuai, bincangkan sumbangan insentif kewangan dan bukan kewangan ke arah membangunkan industri kecil dan sederhana yang berinovatif.  
[25 markah]
7. Bincangkan kepentingan pendekatan kesalinglengkapan ekonomi dan faedah berbanding dalam konteks pembangunan sub-wilayah segitiga dalam kalangan negara ASEAN.  
[25 markah]
8. Merujuk kepada pembangunan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia **atau** Wilayah Lembah Klang masa kini, bincangkan tumpuan dan cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan daya saing wilayah.  
[25 markah]